

TARIKH : 15 FEBRUARI 2020

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

Penularan COVID-19

PM umum pakej rangsangan ekonomi 27 Februari

Bantuan disalurkan kepada sektor terkesan akibat jangkitan virus

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Baharom Bakar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad akan mengumumkan pakej rangsangan ekonomi pada 27 Februari ini dalam usaha kerajaan mengurangkan impak ekonomi luaran berikutan penularan COVID-19.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata pakej rangsangan yang akan diumumkan pada jam 4.30 petang itu bukan belanjawan baharu atau sebahagian daripada dasar Belanjawan 2020, sebaliknya bantuan disalurkan kepada sektor yang terkesan.

"Walaupun pasaran sedang menghadapi cabaran yang genting, kita tidak harus berputus asa, sebaliknya bertabah supaya industri kita dapat bertahan dan negara dapat menerima manfaat daripada pemulihan semula ekonomi selepas ancaman COVID-19 tamat.

"Perhatian utama diberikan kepada aliran tunai dan syarikat yang terkesan hendaklah memastikan mereka terus kekal beroperasi serta berupaya memanfaatkan lonjakan semula ekonomi pasca COVID-19," katanya dalam kenyataan, semalam.

Guan Eng berkata, kerajaan akan membantu syarikat yang terkesan, tetapi penekanan harus diletakkan terhadap usaha meneroka ruang pendapatan alternatif seperti peralihan kepada penggalakan pelancongan domestik dan mendapatkan sumber dari pasaran lain.

Katanya, Kementerian Kewangan sedang menyediakan program rangsangan dan bekerjasama dengan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi; Kementerian Pengangkutan; Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya serta pelbagai agensi lain.

"Kerajaan mengadakan sesi rundingan erat dengan beberapa peserta industri utama dalam sektor pelancongan, logistik dan kewangan. Kementerian berkaitan juga sudah mengadakan mesyuarat dengan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta syarikat berkaitan kerajaan.

"Kementerian Kesihatan sudah melakukan yang terbaik dalam membendung wabak COVID-19 di Malaysia, tanpa menimbulkan rasa cemas dalam khalayak ramai walaupun sering dilanda berita palsu," katanya meminta rakyat mengejutkan perbezaan dan bersatu sebagai sebuah negara dan bangsa.

"Walaupun kerajaan akan membantu industri yang terkesan, pemain industri juga perlu memainkan peranan dalam membantu pelanggan dan pembekal mereka supaya semua mampu bertahan menempuhi cabaran ini dan menerima manfaat daripada lonjakan semula pasca COVID-19," katanya.

Di **Kuala Terengganu**, Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata pengecualian cukai antara insentif yang dipertimbangkan oleh kerajaan dalam pakej rangsangan ekonomi bagi membantu sektor yang terjejas akibat penularan COVID-19.

Sebagai galakan bagi merangsang penggiat industri yang menerima kesan akibat penularan virus terbahit, beliau berkata, kerajaan juga mungkin mem-

perkenalkan insentif khas untuk sektor pelancongan bagi membantu menarik kunjungan lebih ramai pelancong ke negara ini.

Bercakap pada sidang media selepas melawat Pasar Kedai Rakyat semalam, Mohamed Azmin berkata, kerajaan ketika ini memberi tumpuan utama kepada sektor pelancongan dalam negara berikutan penularan COVID-19.

"Usaha memperkukuhkan industri pelancongan dalam negara perlu dilakukan. Kerajaan beri perhatian utama termasuk peruntukan segera untuk menaik taraf infrastruktur pelancongan bagi melonjakkan ekonomi negara dan negeri," katanya.

Beliau mengakui jumlah pelancong asing ke Malaysia semakin berkurangan dengan banyak tempahan bilik, program seminar dan persidangan membatalkan penyertaan dari luar negara dibatalkan.

"Kerajaan tiada pilihan melainkan mengemukakan pakej rangsangan ekonomi bertujuan menyuntik dana bagi menjana pertumbuhan ekonomi dalam negara demi menjamin kesejahteraan rakyat," katanya.